

## **LENCONGAN DIAKTIFKAN SEPENUHNYA DI KM25.75 HINGGA KM27.1 SEPANJANG PENUTUPAN LEBUHRAYA KL-KARAK BAGI KERJA ECRL**

*Perjalanan Arah Kuantan Menerusi KLK Masih Boleh Digunakan*

**Bentong, 12 Julai 2025** – Berikutan maklumat mengenai penutupan laluan yang telah dikongsi kepada umum, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ingin memaklumkan bahawa **jalan masih dibuka kepada pengguna menerusi laluan lencongan** yang telah diaktifkan sepenuhnya meskipun kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan.

Penutupan sementara lorong arah Kuantan di Lebuhraya KL-Karak (KLK) adalah bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pemasangan rasuk portal bagi struktur *Road Under Bridge (RUB14)* yang akan berlangsung mulai 8 Julai 2025 hingga 8 Ogos 2025 (24 jam).

Penutupan ini telah dibincang dan diluluskan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang melibatkan lorong arah Kuantan di KM 25.75 hingga KM 27.1.

**Sebagai langkah mitigasi, jalan lencongan telah disediakan dan diaktifkan, dan jumlah lorong asal iaitu tiga (3) lorong setiap arah akan dikekalkan menerusi sistem lencongan bagi memastikan kelancaran aliran trafik.**

Penutupan lorong ini diperlukan kerana pemasangan struktur sokongan sementara (*temporary support*) bagi kerja-kerja pemasangan rasuk portal yang memerlukan ruang kerja yang selamat dan terkawal di kawasan tersebut.

Para pengguna lebuhraya dinasihatkan untuk terus mematuhi papan tanda dan arahan trafik di lokasi, memperlahankan kenderaan di kawasan kerja, dan sentiasa berhati-hati demi keselamatan semua pihak.

Pihak ECRL mengucapkan terima kasih atas kesabaran dan kerjasama para pengguna jalan raya, serta memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul. Keselamatan dan kelancaran trafik kekal menjadi keutamaan kami sepanjang pelaksanaan kerja ini.

-Tamat-